

# Dr Mahathir sedia lepas jawatan bila-bila masa

BH  
-15/11/2020  
M/S: 2

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sedia melepaskan jawatannya bila-bila masa sekiranya itu keputusan yang dimahukan Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH).

Beliau menjelaskan, sebarang isu berkaitan peralihan kuasa akan diputuskan Majlis Presiden PH yang dianggotai empat parti iaitu, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), PKR, DAP dan Parti Amanah Negara (AMANAH).

“Bagi saya, jika mereka mahu saya pergi (berundur) sekarang, saya akan pergi sekarang,” katanya pada sidang media selepas menghadiri Forum Integriti Bank Rakyat 2020 di sini, semalam.

Beberapa wakil rakyat PKR sebelum ini mendesak Dr Mahathir mempercepatkan peralihan kuasa Perdana Menteri dengan mencadangkan Mei ini kepada Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ini menurut mereka, Anwar mendapat tempoh mencukupi untuk menjalankan sebarang perubahan dalam pentadbiran negara.

Isu penyerahan kuasa pemimpin itu menjadi spekulasi berte-rusan, walaupun Dr Mahathir berulang kali berjanji menyerahkan jawatannya kepada Anwar.

Sementara itu, Anwar ketika mengulas isu sama selepas menghadiri program ceramah di Kimanis, Sabah, malam tadi, kekal dengan pendiriannya sebelum ini yang mahu pelan peralihan kuasa beliau menjadi Perdana Menteri menggantikan Dr Mahathir dibin-

cang secara tertib dan berlangsung secara aman serta teratur.

“Seperti mana saya ulang, ia (peralihan kuasa) harus diadakan dengan baik. Dr Mahathir banyak pengalaman, banyak jasa dan kita ada muafakat serta janji.

“Seeloknya ia dijalankan secara baik. Saya tidak setuju jika proses itu tidak secara aman dan teratur,” katanya.

Terdahulu pada sesi bual bicara, Dr Mahathir memberi jaminan kerajaan pimpinannya akan memperbaiki jurang perbezaan dalam kalangan masyarakat menerusi Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

Perdana Menteri berkata, perbezaan yang ketara itu antara punca wujudnya ideologi seperti sosialisme dan komunisme di sesetengah negara angkara kapitalis yang mengaut keuntungan tanpa memikirkan pekerja bawahan.

“WKB 2030 bertujuan memperbaiki jurang perbezaan yang wujud antara kaya dan miskin. Seperti di Malaysia, perbezaan ini berkait rapat dengan kaum, bandar dan luar bandar,” katanya.

Mengenai import minyak sawit ke India, Dr Mahathir berkata, beliau bimbang terhadap tindakan India untuk tidak membeli minyak sawit Malaysia, namun menekankan bahawa ‘jika ada yang tidak kena, anda perlu menyatakannya’.

“Jika kita biarkan perkara salah berlaku dan hanya memikirkan mengenai jumlah wang yang terlibat, banyak perkara salah akan terus dilakukan,” katanya.

